

52,000 pelajar asing di IPT

B.H 22/12/07 M/S 31
Kemasukan penuntut luar menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

KIRA-KIRA 52,000 pelajar asing sedang mengikuti pengajian di negara ini, meliputi 52 peratus daripada enrolmen 100,000 yang disasarkan menjelang 2010, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi sedang giat berusaha ke arah mencapai sasaran itu, selaras satu visi utama Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Beliau berkata, kemasukan pelajar asing bukan saja boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara, tetapi juga akan menambah dimensi antarabangsa terhadap institusi pengajian tinggi

(IPT) di Malaysia.

Katanya, faktor berkenaan perlu diberi penekanan dalam era globalisasi kini yang menyaksikan peningkatan mobiliti di kalangan tenaga kerja berpendidikan, pengurus, profesional dan pakar seluruh dunia.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah amat penting untuk menjana masyarakat yang memiliki ilmu pengetahuan, budaya, tamadun dan fikiran kreatif serta berkualiti.

"Malah, Malaysia mengambil langkah merintis program berkembar dengan universiti luar negara di rantau ini. Hasil inisiatif itu, beberapa universiti asing membuka kampus cawangan di sini," katanya pada majlis perasmian Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (IUCTT), di Dewan Perdana

FAKTA NOMBOR

Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

550

IPTS di seluruh negara

100,000

Pelajar asing disasarkan menjelang 2010

Felda, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengajian Tinggi Swasta, Dr Mohamed Rashid Navi Bax. Hadir sama Timbalan Naib Canselor IUCTT, Prof Dr Noridah Ibrahim, dan Pengarah Urusannya, Roslan Nasir.

Mustapa berkata, kepesatan perkembangan semasa menyaksikan bidang pengajian tinggi negara menghadapi pelbagai cabaran, termasuk dari segi masalah pengangguran graduan.

Justeru, katanya, kementerian dan pihak IPT harus memberi tumpuan ke arah mewujudkan graduan yang berdaya saing, berkualiti, holistik, kreatif, berkemahiran teknologi maklumat, berfikiran bernas serta penyayang, secara langsung akan memiliki kebolehpasaran tinggi dan

menjadi manusia lebih baik.

"Pendidikan mantap berserta nilai moral kukuh akan menjadi semakin berkesan apabila digabungkan dengan kemahiran insaniah yang amat diperlukan kini.

"Ini merangkumi kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik, kemampuan berfikir secara objektif dan kreatif, boleh bekerja sebagai satu pasukan serta semangat kesukarelawanan yang tinggi.

"Selain itu, kita juga mahu mengembalikan integriti dan jati diri dalam masyarakat, sekali gus mengurangkan kadar jenayah, keganasan serta rasuak.

"Semua ini adalah asas penting untuk membentuk 'towering Malaysians' di kalangan generasi muda tanah air seperti yang diharapkan Perdana Menteri," katanya.